

**MAJLIS POLEMIK SEJARAH MALAYSIA
SESI KE-45**

“PENGHAYATAN RUKUN NEGARA”

Tajuk:

**PENGHAYATAN RUKUN NEGARA DI
KALANGAN GENERASI MUDA:
PENJENAMAAN SEMULA ATAU PEMASARAN
BERBEZA**

Oleh:

Encik Mujibu Abd Muis

21 Disember 2020 (Isnin)

Anjuran:

ARKIB NEGARA MALAYSIA

PENGHAYATAN RUKUN NEGARA DI KALANGAN GENERASI MUDA: PENJENAMAAN SEMULA ATAU PEMASARAN BERBEZA

Encik Mujibu Abd Muis
Pensyarah Kanan Sains Politik,
Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi,
Universiti Teknologi MARA (UiTM), Kampus Seremban, Negeri Sembilan.

ABSTRAK

Kertas kerja ini membincangkan analisis konseptual dan empirikal mengenai Rukun Negara sebagai alat membentuk perpaduan dan integrasi kaum di Malaysia. Setelah 50 tahun diwujudkan, Rukun Negara masih lagi menjadi sekadar retorika pemerintah yang bersifat keraian dan wacana umum. Dengan perubahan generasi, gaya hidup dan citarasa, penghayatan Rukun Negara sebagai sebuah ideologi kebangsaan kelihatan semakin terhakis dan berkurangan. Ini lebih ketara di kalangan generasi muda dan belia. Bagi generasi ini, Rukun Negara hanyalah sekadar penghias kulit buku. Justeru itu kertas kerja ini cuba untuk mengupas apakah permasalahan sebenar yang menjadikan perkara itu berlaku. Disebalik kejayaan membangunkan Malaysia, kita masih gagal untuk membina bangsa Malaysia, terutamanya menerusi prinsip Rukun Negara. Dilihat, kegagalan untuk mengamalkan nilai-nilai falsafah dalam Rukun Negara secara berterusan antara penyumbang kepada perkara tersebut, khususnya generasi muda. Menyalahkan generasi itu semata-mata adalah tidak benar kerana mereka lahir pada era yang berbeza dan tidak merasa atau melihat sejarah hitam rusuhan kaum dan kesusahan untuk membina perpaduan kaum berbanding generasi sebelumnya. Maka timbul persoalan apakah Rukun Negara perlu kepada penjenamaan semula bagi menarik minat generasi muda menghayati Rukun Negara? Ataupun ada pendekatan lain yang perlu dilihat bagi memasarkan Rukun Negara dengan cara yang berbeza sebelumnya.

Kata Kunci: Rukun Negara, Perpaduan Kaum, Integrasi Nasional, Negara Bangsa.

PENGENALAN

Kalau ditanya kepada generasi sekarang tentang sebarang perkara mengenai Rukun Negara, mereka pasti menjawab Rukun Negara sebagai ‘teman sampingan’ kepada jadual sifir di kulit belakang buku latihan sekolah. Itupun kalau bukan sebab ‘terpaksa’ menghafal sifir, barangkali mereka pun tidak sedar akan kewujudannya di situ. Begitulah nilai sebuah falsafah dan ideologi besar negara di mata generasi muda kita. Ia masih hanya sekadar bait-bait kata yang dihafal tanpa sebarang penghayatan terhadap falsafahnya yang sebenar.

Sebab itu apabila Rukun Negara diisytiharkan pada 31 Ogos 1970, Tun Abdul Razak (yang ketika itu mengetuai Majlis Perundingan Nasional (NCC), badan yang bertanggung jawab menggubal Rukun Negara) dengan tegas menyatakan bahawa rahsia kesempurnaan Rukun Negara ialah pada amalannya. Tanpa amalan, Rukun Negara hanya akan menjadi secebis dokumen yang tidak mempunyai makna. Begitulah seriusnya Tun Razak terhadap Rukun Negara pada masa itu.

“Rahsia kesempurnaan Rukun Negara, ialah pada amalannya. Tanpa amalan Rukun Negara akan menjadi secebis dokumen yang tidak mempunyai makna. Adalah mustahak Rukun Negara bukan sahaja difahami oleh setiap rakyat, tetapi juga diamalkan dengan sepenuhnya dan segala hikmat-hikmat yang terkandung di sebalik tiap-taip perkataan dan kalimat Rukun Negara itu benar-benar menjadi darah daging.”

Abdul Razak Hussein (1971)

Persoalannya, masih belum cukupkah usaha dan inisiatif diambil untuk menghidupkan dan mengamalkan Rukun Negara? Berat sangatkah lima prinsip dalam Rukun Negara itu untuk diamalkan sehingga kerajaan terpaksa berbelanja besar menubuhkan pasukan petugas dan ada modul khusus? Yang paling mustahak ditanya, mengapa Rukun Negara masih belum mampu menjadi sebuah alat perpaduan bagi membentuk negara bangsa?

Jadi apa masalahnya? Dilihat ada kontradiksi dalam konteks falsafah Rukun Negara sebagai sebuah ideologi kebangsaan. Ia berlaku dalam perspektif Rukun Negara direka berdasarkan kepada konsep ‘negara-bangsa’ tetapi menggunakan kerangka budaya. Pemahamannya mudah. Kalau dibandingkan dengan Indonesia, Thailand atau Singapura, ideologi kebangsaan di negara-negara itu dibentuk berdasarkan kerangka negara-bangsa. Sebab itu Pancasila di Indonesia misalnya berjaya menenggelamkan elemen budaya yang menonjolkan perkauman dan menjadikan mereka lebih ‘Indonesia’ berbanding menjadi Jawa, Batak, Bugis, Sunda ataupun Madura. Serupalah juga di Singapura dan Thailand. Kunci utama keberjayaan itu adalah komitmen dan ketegasan pemerintahnya yang jujur dan ikhlas mahu membina sebuah negara-bangsa yang bersatu.

Kalau dilihat, Rukun Negara yang wujud sebagai alat perpaduan kaum – dengan lima prinsip utamanya bertindak sebagai pemandu hala tuju hubungan antara kaum yang rencam – tidak begitu berkesan dalam mencapai matlamatnya. Kelemahan itu dijelaskan oleh Tun Dr Mahathir ketika menjelaskan gagasan “Bangsa Malaysia” dalam sebuah wacana di Yayasan Kepimpinan Perdana tahun 2009. Menurut beliau, hal ini berlaku disebabkan Rukun Negara hanya bertindak sebagai sebuah kerangka yang menyasarkan peningkatan perkongsian (*shared purpose*) di kalangan rakyat Malaysia, sedangkan perkongsian itu tidak membawa kepada proses asimilasi jangka panjang yang membolehkan mereka ‘bersatu atas sesuatu’ yang lebih faktual dan praktikal dengan kerencaman kaum di Malaysia.

Ini senada dengan pandangan Colin Abraham (2004) yang melihat pembinaan negara bangsa tidak boleh terlalu bergantung kepada pendekatan falsafah dan ideologi (baca: Rukun Negara) yang hanya menyasarkan kepada perkongsian perasaan semata-mata. Walaupun menolak asimilasi yang dicadangkan Dr Mahathir sebagai jalan penyelesaian terhadap kerencaman hubungan kaum di Malaysia, beliau melihat bahawa konsep penyatuan dalam kepelbagaian seharusnya dikembangkan dimana penyatuan itu mestilah datang daripada kemahuan dan komitmen semua kaum yang mengiktiraf kewujudan kepelbagaian dan sentiasa memikirkan kepentingan pihak lain.

Rintangan yang terakhir menjadikan proses bina bangsa di Malaysia seakan berliku menuju ke penghujungnya. Rukun Negara sebenarnya menghadapi dilema ini sebagai halangan utama dalam kerangka bina bangsa. Cabaran utama itu ialah wujud kepelbagaian budaya dimana setiap kaum kuat mempertahankan budaya masing-masing malah tidak mahu membuka dan berasimilasi dengan budaya lain. Dalam masa yang sama, elemen primordial – bangsa, agama dan budaya – kuat dipertahankan dan menjadi pemali dalam kelompok masing-masing.

rukun negara: sejarah, konsep dan falsafah

Sejak merdeka hingga membentuk Persekutuan Malaysia, hubungan antara kaum dalam negara disifatkan sebagai tegang tetapi stabil. Sebagai sebuah negara pasca kolonial, perkara yang sedemikian terbentuk disebabkan tindakan British yang mengambil kesempatan atas situasi keterpisahan yang wujud di Tanah Melayu.

Walaupun ramai yang melihat ia hasil daripada dasar ‘pecah dan perintah’ British terhadap Tanah Melayu, namun hakikatnya masyarakat di Tanah Melayu secara sosio-ekonominya sudahpun sedia terpisah tanpa perlu dipecahkan. Tinggal mahu dikawal (baca: diperintah) sahaja. Disebabkan itu, dasar ‘pecah dan perintah’ berjalan dalam tempoh yang lama sejajar dengan perkembangan dan kepentingan ekonomi British di Tanah Melayu. Dengan memanfaatkan keadaan sedia ada, British membentuk semacam status quo dengan melaksanakan pendekatan yang berbeza terhadap orang Melayu dan bukan Melayu dalam sistem pemerintahan mereka.

Tiada tindakan untuk mengintegrasikan masyarakat oleh British ketika itu akhirnya membawa kepada proses polarisasi kaum yang serius. Setelah mencapai kemerdekaan, kesan langsung daripada tindakan itu masih kelihatan dan berbekas dalam hubungan antara kaum di Malaysia. Tragedi 13 Mei 1969 menjadi titik hitam dalam sejarah hubungan kaum di Malaysia. Perkauman melampau ketika itu yang ditajamkan menerusi sentimen marah, benci, kecewa dan tidak puas hati akibat kepentingan dan kelangsungan ekonomi masing-masing telah mencetuskan rusuhan kaum. Walaupun tidak merebak ke seluruh negara, ianya melumpuhkan tadbir urus negara serta menjejaskan keamanan dan keharmonian masyarakat seluruhnya.

Ironinya, tragedi itu hanya berlaku setelah Malaysia merdeka. Walaupun wujud kekeruhan hubungan kaum sebelum merdeka tetapi ianya tidaklah begitu teruk sampai mencetuskan pergaduhan. Semenjak daripada itu, hubungan kaum di Malaysia senantiasanya berusaha dijernihkan daripada kekeruhan yang wujud. Perpaduan dan integrasi menjadi matlamat bersama dalam pengukuhan Malaysia sebagai sebuah negara bermasyarakat majmuk. Malah, kedua-dua inilah yang telah diangkat menjadi tema utama dalam setiap dasar kerajaan semenjak Tun Abdul Razak mengilhamkan Rukun Negara sebagai usaha serius dan sistematik kerajaan dalam membentuk perpaduan dan integrasi nasional selepas tragedi hitam 13 Mei 1969.

Oleh yang demikian, Rukun Negara adalah suatu ideologi kebangsaan bagi menyeragamkan perbezaan fahaman dikalangan kelompok etnik yang rencam. Secara umumnya Rukun Negara juga adalah hasrat besar kerajaan untuk membentuk sebuah bangsa Malaysia yang patriotik dan sentiasa memelihara kemakmuran, keamanan dan kesejahteraan. Rukun Negara dirangka bagi menjaga keharmonian sosial serta menerapkan nilai budaya yang murni dalam setiap diri warga Malaysia. Disebalik kesemua itu, Rukun Negara akhirnya dapat membentuk integrasi dan perpaduan kaum yang lebih erat, mencipta satu masyarakat yang demokratik dan adil serta perkongsian bersama kemakmuran negara secara adil dan saksama kepada semua kaum.

Namun begitu perpaduan dan integrasi kaum itu tidak berlaku secara *tabula rasa*. Dalam konteks Malaysia, ia ada proses dan acuannya yang tersendiri. Diperingkat awal pendekatan permuafakatan bertanggung jawab membentuk proses dan corak hubungan itu. Malah, perkara ini telah memanjangkan kontrak sosial yang membentuk Perlembagaan Malaysia dalam konteks kerjasama politik dan hubungan kaum. Hal ini secara tidak langsung telah melupakan terus sebarang usaha untuk mewujudkan sebuah negara bangsa yang stabil menerusi perpaduan dan integrasi kaum itu tadi.

Cabaran dan hala tuju perpaduan dan integrasi kaum di Malaysia senantiasanya berlawanan dalam spektrum Tradisi-Islam dan Modernisasi-liberal. Untuk memahami paradoks tersebut, komitmen setiap kaum yang berbeza dalam melihat hala tuju Malaysia sebagai sebuah negara bangsa dapat membantu perbincangan. Pembentukan negara bangsa di Malaysia senantiasanya

dilihat dari perspektif Melayu vs. bukan Melayu. Walaupun kerencaman kaum di Malaysia memperlihatkan kewujudan pelbagai etnik dan sub-etnik yang berbeza, ianya tidak begitu ketika melontarkan pandangan masing-masing terhadap sesuatu isu, dasar dan kejadian. Ironinya, apabila ia berlaku, kerencaman itu menyatu dan memisah dalam perspektif Melayu/Bumiputera vs bukan Melayu/Bumiputera.

Perkara ini selalunya berlaku menerusi dikotomi dari sudut Melayu-Islam dan bukan Melayu-bukan Islam. Sebagai contoh, beberapa perkara dalam perlembagaan seakan-akan memiliki dua peruntukan berbeza berselang seli untuk Bumiputera-bukan Bumiputera dan kadangkala untuk Islam-bukan Islam. Perkara ini selalunya wujud apabila peruntukan perlembagaan itu menyentuh sesuatu yang sensitif seperti etnisiti dan kaum, agama, bahasa serta budaya.

Terdapat beberapa pengajaran dalam proses mengintegrasikan dan membentuk perpaduan kaum di Malaysia, terutamanya menerusi pendekatan Rukun Negara. Secara umumnya Rukun Negara masih mengekalkan elemen 'bersatu dalam kepelbagaian' sebagai kerangka asasnya. Dilihat terdapat dua perkara yang dipelajari sepanjang proses itu berlaku; pertama ia memperlihatkan bagaimana menjadikan satu budaya mendominasi dan memaksa yang lain untuk berasimilasi dengannya agak sukar untuk dilaksanakan. Ini adalah kerana, ketidakseimbangan komposisi kaum merupakan halangan utama dalam melaksanakannya. Walaupun wujud komuniti peranakan hasil daripada proses ini, ia sebenarnya sudahpun berlaku lama dulu sejak sebelum Malaysia merdeka.

Kedua, adanya kesukaran membentuk satu budaya baru daripada proses integrasi penuh daripada budaya-budaya yang lain. Sungguhpun berlaku akomodasi dan akulturasi sebagai pemangkin, ianya hanya berlaku diperingkat permukaan (*surface*), bersifat keraian (*ceremonial*), dan kesedaran (*realization*) bahawa mereka adalah berbeza namun perlu menghormati norma dan nilai kolektif satu sama lain. Setelah keterujaan dan fenomenanya hilang, masing-masing akan pulang ke kelompok masing-masing dan meneruskan kehidupan seperti biasa.

Oleh sebab itulah, Rukun Negara datang untuk mengatasi segala perbezaan yang terdapat dalam masyarakat berbilang kaum di negara ini. Hal ini dapat diselusuri dengan meneliti unsur-unsur yang membentuk falsafah Rukun Negara itu sendiri – tidak memihak atau menggambarkan dominasi mana-mana kaum.

Ia jelas hanya bersifat umum dan bertujuan untuk membina lingkaran yang luas, sehingga pada titik akhirnya dapat mengatur tata kelakuan, mengendalikan, dan memberi arah kepada kelakuan dan perbuatan yang sebenarnya bercirikan Malaysia. Kelima-lima prinsip Rukun Negara yang utama itu dibentuk berdasarkan acuan masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa dan agama bertujuan untuk memperkukuhkan perpaduan kaum dan menggalakkan integrasi kebangsaan.

PENGHAYATAN RUKUN NEGARA: PENJENAMAAN SEMULA ATAU PEMASARAN BERBEZA?

Tidak wajar untuk mempersoalkan tentang tahap penghayatan sesuatu ideologi atau falsafah selepas berdekad ianya diwujudkan. Dalam hal ini, kewujudan Rukun Negara yang sudah berusia 50 tahun itu barangkali wajar dilihat daripada keberkesannya berbanding penghayatannya. Namun begitu, jelas cara termudah untuk melihat keberkesanan sesebuah falsafah itu sudah tentulah melihat dari sudut impak dan penjelmaannya dalam amalan kehidupan. Sebagai alat bina bangsa, maka Rukun Negara bukan sahaja harus dilihat hidup dikalangan generasi pertama yang menerimanya, tetapi juga kesinambungannya dalam generasi seterusnya iaitu kelompok muda dan belia.

Pemahaman mudah terhadap orang muda atau belia pernah diungkapkan oleh penyair Inggeris terkenal William Shakespeare. Beliau menyifatkan orang Muda sebagai “*cold in blood and green in decision*” dengan maksud orang muda adalah kelompok yang cepat panas dan mentah dalam membuat keputusan. Justeru itu selalunya kelompok ini seringkali dikaitkan dengan elemen negatif seperti tidak patriotik, hedonisme dan pendek akal oleh masyarakat sekeliling.

Walaupun tanggapan masyarakat terhadap orang muda sering berbeza-beza, jelas bahawa orang muda adalah salah satu segmen yang sama-sama membentuk komuniti sekeliling. Kelompok ini harus diberi perhatian dan peranan yang secukupnya supaya mereka sama-sama memainkan peranan dalam membentuk masyarakat bertamadun. Justeru itu, kefahaman terhadap aspirasi mereka adalah penting dalam memastikan perkara tersebut.

Yang pasti orang muda mempunyai pemikiran yang bersifat kalkulatif – melihat sesuatu daripada sudut pulangan yang relatifnya lumayan. Hal inilah yang kadang-kadang tidak diberikan perhatian dalam aspek penghayatan Rukun Negara dikalangan kelompok ini. Sudahnya, kita berterusan melakukan indoktrinasi Rukun Negara secara pukul rata dan terlupa untuk memberikan penghayatan nilai dari perspektif kalkulatif itu sendiri. Dengan ketiadaan elemen falsafah dan pemahaman sejarah yang sebenar, Rukun Negara akhirnya menjadi ‘hafalan’ semata-mata.

Penekanan yang berlebihan terhadap aspek *material* berbanding *non-material* dalam mata pelajaran di sekolah juga tidak berupaya melatih minda dan pemikiran orang muda untuk berfikir secara kritis dan bernas. Aspek sejarah dan juga penghayatannya yang penting dalam pembentukan pemikiran akhirnya tenggelam atas tuntutan kemajuan fizikal dan meminggirkan pembangunan kemanusiaan. Maka sebab itu generasi muda tidak melihat aspek bernegara dalam konteks pembangunan nilai-nilai kemanusiaan tetapi mengejar kepada pembangunan fizikal dan material semata.

Sebab itu, Profesor Ulung Shamsul Amri Baharuddin (2020) melihat kegagalan penghayatan Rukun Negara terutamanya dikalangan generasi muda adalah disebabkan sekolah hanya menekankan lima prinsipnya sahaja tanpa menekankan tentang mukadimah yang mendukung lima prinsip itu. Mukadimah Rukun Negara itulah yang sepatutnya harus ditekankan kerana ia mengandungi aspek falsafah dan sejarah yang membawa kepada penghayatan Rukun Negara dengan baik dan berkesan. Tegas beliau, mukadimah itulah jiwa kepada Rukun Negara secara keseluruhan dan kegagalan memahaminya akan menimbulkan salah faham disebabkan penekanan yang berulang dan melampau kepada lima prinsip Rukun Negara tersebut menerusi proses 'pentahfiz' (menghafal) di sekolah.

Mukadimah dan prinsip yang membentuk Rukun Negara merangkumi aspek keadilan, perpaduan, demokrasi dan kebebasan yang datang dalam satu pakej yang lengkap. justeru itu melakukan pintasan dengan hanya menumpukan lima prinsipnya sahaja ibarat menunggang basikal hanya dengan satu tayar. Penghayatan Rukun Negara sudah tentu herot dan sekerat daripada yang sepatutnya. Apabila ia berterusan selama beberapa generasi, pemahaman Rukun Negara yang herot dan sekerat itu tidak berjaya meniupkan roh sebenar sebagai alat pernyataan identiti kebangsaan dan perpaduan kaum.

Disinilah barangkali punca utama mengapa Rukun Negara masih gagal untuk mencapai matlamatnya. Walaupun ada pendapat yang mengatakan ia adalah disebabkan pengabaian, ia masih boleh disanggah kerana kita sebenarnya telah membiarkan ia menjadi rutin dan hafalan harian tanpa sebarang pemahaman mahupun penghayatan yang mendalam tentang apa yang terkandung dalam setiap satu ayat dan patah perkataan. Sebab itu adalah tidak patut untuk menyalahkan generasi muda semata-mata kalau mereka kurang menghayatinya.

Sepatutnya, Rukun Negara sebagai sebuah ideologi dan falsafah kebangsaan adalah sesuatu yang malar segar dan mendahului zaman. Ia bukannya satu undang-undang yang digunakan untuk menyelesaikan masalah. Sebab itu ia harus hidup dan sentiasa diamalkan bagi membolehkan matlamatnya dicapai. Sebab itulah ia mesti dihayati dan dijemakan dalam tindakan setiap warganegara. Mengapa begitu? Kerana Rukun Negara yang berjaya dihayati akan mampu melahirkan warga yang bertanggungjawab dan sentiasa merasa tertakluk dengan tuntutan pelbagai tahap autoriti, iaitu daripada Tuhan di peringkat sekalian alam, Raja dan pemerintahannya di peringkat negara sehinggalah diri sendiri di peringkat individu.

Hal ini memperlihatkan bahawa Rukun Negara tidak memerlukan sebarang penjenamaan semula. Jelas tiada keperluan untuk itu disebabkan sifatnya yang malar segar, universal dan mendahului zaman. Tetapi mengapakah berlaku sebaliknya, terutamanya terhadap generasi muda? Menerusi perbincangan di atas, jelas kita memerlukan pendekatan baharu dalam memasarkan Rukun Negara kepada generasi muda.

Mewujudkan Kelab Rukun Negara di peringkat sekolah ataupun Sekretariat Rukun Negara di peringkat pengajian tinggi sahaja masih belum mencukupi tanpa adanya kesepaduan daripada

mata pelajaran ataupun kursus yang menekankan aspek sejarah dan falsafah tentang Rukun Negara. penekanan aspek nilai yang bersifat kalkulatif juga perlu bagi memperkuat perkara tersebut. Selaras dengan corak pemikiran orang muda yang sedemikian, penekanan terhadap kepentingan nilai Rukun Negara dari aspek material harus mampu diwujudkan.

Ini selaras dengan saranan Abdul Rahman Embong (2007) yang melihat kepada aspek nilai dan sikap murni dalam Rukun Negara adalah penting bagi membina modal insan yang unggul. Kemahiran yang tinggi serta pengetahuan yang banyak tidak semestinya menjamin kepada pembangunan negara dan masyarakat. Tanpa nilai-nilai murni, kepesatan pembangunan fizikal yang dikecapi negara akan rosak disebabkan munculnya manusia yang rakus dan angkuh. Mereka menjadi perosak masyarakat, perasuah, penipu dan pecah amanah yang akhirnya menghancurkan segala yang telah lama dibina bersama.

Jadi apakah yang perlu dilakukan dalam pemasaran baharu tersebut? Secara asasnya kita harus menerina dengan terbuka bahawa aspek paksaan dalam indoktrinasi dan penghayatan Rukun Negara dikalangan generasi muda akan tidak berjaya. Dalam masa yang sama, penggunaan kaedah yang sama dan berulang juga (baca: pentahfizan) akan menjadikan Rukun Negara tidak progresif dan dinamik, bertentangan dengan sifat Rukun Negara itu sendiri.

Sebab itu Rukun Negara harus disesuaikan dengan keadaan semasa sesuai dengan perubahan zaman selepas 50 tahun ia diwujudkan. Rukun Negara seharusnya sentiasa disesuaikan dengan keadaan semasa supaya generasi muda sebagai pewaris dan penyambung legasi ini mampu menghayati dan mewariskan Rukun Negara kepada generasi seterusnya dalam erti kata yang sebenar tetapi mengikut trend semasa. Aspek sejarah dan falsafah Rukun Negara mestilah dihayati dengan erti yang asal tetapi cara serta kaedah penyampaianya harus dipelbagaikan dan sesuai dengan zaman.

Perkara ini tidak akan berjaya tanpa kepimpinan lama menunjukkan contoh tauladan kepada generasi semasa. Sudah tentu mereka akan dilihat dan diperhatikan sebagai generasi yang mewarisi Rukun Negara daripada generasi sebelumnya. Keterpisahan sejarah jika dibandingkan dengan generasi terdahulu yang mengalami sendiri Tragedi Hitam 13 Mei 1969 dengan mereka yang lahir di zaman selepasnya sudah tentu memberikan penghayatan dan pemahaman yang berbeza. Diperhatikan generasi 70-an dan 80-an lebih menghayati dan menghargai Rukun Negara berbanding generasi selepasnya.

Sebagai contoh, generasi terdahulu lebih peka dan berhati-hati dengan sensitiviti kaum dan agama. Hal ini berlaku kerana mereka melihat dan mengalami sendiri kesusahan untuk membina negara yang bersatu selepas Tragedi 13 Mei 1969. Namun begitu, disebalik segalanya perpaduan kaum masih juga belum wujud sepenuhnya. Kita masih lagi seperti apa yang disifatkan Furnivall (1948) sebagai masyarakat yang bergaul tetapi tidak bercantum (*mix but do not combine*). Kalau ini berterusan maka akan lebih sukarlah peranan Rukun Negara sebagai alat perpaduan dan integrasi kebangsaan negara kita.

Malah dalam pelbagai aspek, kita masih belum melihat adanya satu keazaman politik yang mahu memecahkan permasalahan itu. Orang politik bukan sahaja tidak menunjukkan keazaman politik untuk menjadikan Rukun Negara sebagai alat perpaduan, malah tingkah laku mereka juga jauh daripada meneladani nilai-nilai murninya dalam kehidupan seharian mereka. Sebagai pemimpin, merekalah yang seharusnya menunjukkan contoh-contoh terpuji berlandaskan Rukun Negara dalam tingkah laku mereka. Namun sebaliknya, mereka terus berpolitik dengan memainkan perkauman yang melampau, menggunakan bahasa yang kurang enak dan kadang-kadang melampaui batas-batas tata susila dan etika bernegara.

Lebih parah, orang politik menjadikan Rukun Negara sebagai suatu tindak balas kepada keperluan semasa dan bersifat keraian sahaja. Walaupun pelbagai kempen serta rancangan yang diatur, Rukun Negara hanya diraikan dalam sebuah majlis dan suasana tanpa meninggalkan impak dan kesan ketara. Sudahnya generasi muda melihat ia sebagai sekadar sambutan tahunan yang akan diraikan untuk diperingati seperti hari-hari kebesaran yang lain sepertimana lazimnya.

Sepatutnya sasaran jangka panjang Rukun Negara iaitu perpaduan nasional haruslah dijadikan ukuran dalam setiap aktiviti dan keraian. Perpaduan nasional kita harus diukur dalam setiap bentuk bagi mengetahui sama ada kita sememangnya lebih bersatu daripada sebelumnya atau masih lagi terpisah mengikut lokasi dan pembahagian ekonomi. Perkara ini lebih bagus dilakukan kerana kita akan sentiasa memperlihatkan tingkat dan keadaan perpaduan kaum dalam negara dan memberikan generasi muda gambaran dan ruang untuk berfikir serta menilainya berdasarkan perspektif sebenar dan kontemporari.

Inilah kunci kepada pemasaran Rukun Negara yang sebenar. Apapun kaedah yang digunakan tidak menjadi masalah kerana ia akan berevolusi sejajar dengan perkembangan teknologi semasa. Kalau dulu media cetak dan elektronik menjadi mediumnya. Sekarang, peranti canggih seperti komputer riba, tablet atau telefon pintar mengambil alih. Dahulu rancangan televisyen atau radio menjadi tumpuan, tetapi kini media sosial serta aplikasi lebih berkesan. Jelas apapun medium dan caranya, pemasaran Rukun Negara di kalangan generasi muda mesti sentiasa mengembangkan beberapa petunjuk sama ada perpaduan nasional meningkat atau tidak. Kerana ada atau tidak pertelingkahan kaum bukanlah petunjuk utama bahawa perpaduan nasional kita berada pada tahap yang baik dan meningkat.

Hal ini sudah ditunjukkan oleh Tun Abdul Razak sendiri. Ketika mewujudkan Rukun Negara, Dasar Ekonomi Baru (DEB) turut diumumkan sebagai strategi untuk mencapai perpaduan nasional menerusi pendekatan serampang dua mata iaitu pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat sehingga dapat menghilangkan indetifikasi kaum berdasarkan fungsi ekonomi. Objektif jangka panjang ini, seperti biasa, telah melalui banyak pertimbangan pelbagai pihak yang berkepentingan sebelum ianya dijadikan dasar kerajaan. Sebab itu, Rukun Negara dilihat hidup dalam setiap dasar dan tindakan kerajaan pada ketika itu. Malah orang muda mampu menghayati dan turut serta dalam merealisasikannya

disebabkan ia dapat dilihat secara kalkulatif dari perspektif yang kecil dan mudah difahami, baik secara sadar mahupun tidak.

Ia sekaligus menjadikan DEB melengkapi Rukun Negara. Keduanya bukan hanya sekadar slogan politik tetapi merupakan program yang beriltizam tinggi untuk mengurangi ruang-ruang perpecahan disamping meningkatkan ekonomi dan kemakmuran negara yang sentiasa berubah-ubah. Ringkasnya, semua usaha itu adalah sebahagian daripada proses kejuruteraan sosial yang dirancang secara sederhana namun fokus oleh Tun Abdul Razak. Ia bermula dengan pembangunan luar bandar sebagai prasyarat membasmi kemiskinan yang kemudian beralih kepada pengurangan ketaksamaan sosial menerusi peluang pendidikan dan latihan. Justeru itu, elemen sebegitu jugalah yang barangkali harus dikembalikan semula dalam pemasaran Rukun Negara tetapi dilakukan melalui kaedah yang sesuai dengan keperluan generasi semasa.

KESIMPULAN

Sememangnya negara kita telah maju dan berkembang pesat. Namun begitu, kemajuan dan perkembangan yang dikecapi itu menjadi kosong dan tidak bermakna sekiranya kita melupakan matlamat dan arah tuju Bangsa Malaysia sepertimana yang dibayangkan dalam Rukun Negara. Pengajaran yang sangat jelas dalam sejarah negara berbilang kaum seperti Malaysia ialah perkauman yang melampau akan sentiasa merugikan semua pihak.

Ramai di antara kita, terutamanya generasi muda mungkin lupa bahawa Rukun Negara diilhamkan oleh pemimpin kita supaya rakyat negara ini mampu untuk terus hidup aman, bersatu, harmoni dan toleran disebalik kerencaman dan kepelbagaian kaum, agama, bahasa dan budaya yang melatari kehidupan mereka. Cabaran kepada tuntutan ini seharusnya tidak boleh diperlekehkan sebaliknya ia perlu sentiasa diperdebatkan lagi dalam konteks kejayaan dan kekurangan perpaduan serta integrasi kaum sedia ada.

Inspirasi Rukun Negara perlu dibahas dengan penuh kebijaksanaan dan keterbukaan semua pihak. Ia juga harus sentiasa diangkat agar menjadi sebahagian daripada komitmen dan intipati perancangan dasar ekonomi dan sosial negara oleh kerajaan, sepertimana yang asal. Hal ini akan dapat memastikan peralihan zaman serta perubahan generasi tidak akan mampu menghakis nilai dan inspirasi asalnya sebagai sebuah ideologi negara.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Embong. (2007) *Pembangunan, Negara, Komuniti dan Insan Melampaui 2020*. Bangi: Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS).
- Abdul Razak Hussien, Dato' (1971). *Ucapan Perdana Menteri Semasa Melancarkan Minggu Muhibah dan Perpaduan di Sekolah-sekolah melalui Radio dan Televisyen*. Kuala Lumpur.
- Ahmad Nidzamuddin Sulaiman. (2002). Budaya Politik Dalam Masyarakat Majmuk Malaysia. Dlm. Abdul Monir Yaacob & Suzalie Mohamad (pnyt.) *Etika dan Budaya Berpolitik dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Abraham, C. (2004). *The Naked Social Order: The Root of Racial Polarisation in Malaysia*. Subang Jaya: Pelanduk.
- Furnivall, J. (1948). *Colonial Policy and Practice: a Comparative Study of Burma and Netherlands India*. New York: New York University Press.
- Gullick, J. (1958). *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shamsul Amri Baharuddin. (2009). Melestari Perpaduan, Memperkukuh Integrasi: Konsep Satu Malaysia sebagai Wahana Terkini Dlm. *Kumpulan Dokumen-dokumen Seminar Gagasan Satu Malaysia: Kesenambungan Satu Perjuangan*. Kuala Terengganu: Kerajaan Negeri Terengganu & Universiti Malaya.
- Shamsul Amri Baharuddin. (2020). Rukun Negara Bergerak Satu Tayar Sahaja Dlm. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/93358/KHAS/Wacana/Rukun-Negara-bergerak-satu-tayar-sahaja>
- Hefner, R. (2001). *The Politics of multiculturalism, pluralism and citizenship in Malaysia, Singapore and Indonesia*. Honolulu: University of Hawaii Press.
- Mahathir Mohamad. (2005). National Unity dlm. *Perdana Discourse Series*. No. 1/2005 p. 4 – 6. Shah Alam: UPENA & Perdana Leadership Foundation.
- Mahathir Mohamad. (2009). Bangsa Malaysia dlm. *Perdana Discourse Series*. No. 8/2009 p. 1 – 29. Shah Alam: UPENA & Perdana Leadership Foundation.